

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
NO. SOALAN : 59

MINTA MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MENYATAKAN:

CARA PENGAGIHAN RM20 JUTA DANA GERAN PEMBANGUNAN PASARAN (MDG) BAGI MEMBANTU MEMASARKAN PRODUK BUMIPUTERA KE PASARAN GLOBAL.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Geran Pembangunan Pasaran (MDG) adalah bantuan kewangan secara bayar balik kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mempromosikan barangan dan perkhidmatan ke luar negara dengan menyertai pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan antarabangsa, persidangan antarabangsa dan penyenaiaan di *hypermarket* luar negara.

Pengagihan peruntukan sebanyak RM 20 juta adalah terbuka kepada semua syarikat Malaysia yang layak (bumiputera dan bukan bumiputera) dan memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan seperti berstatus PKS, ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, sekurang – kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki rakyat Malaysia dan

berstatus aktif dengan sekurang – kurangnya 12 bulan beroperasi.

Ini bermakna tiada peruntukan yang dikhaskan hanya kepada PKS bumiputera di bawah geran ini. Pada tahun 2014, peruntukan MDG adalah sebanyak RM 50 juta. Pada tahun 2015, peruntukan MDG adalah sebanyak RM 20 juta. Pecahan penerima geran MDG mengikut milikan bagi tahun 2014 dan 2015 (Januari – April) adalah seperti berikut:

Tahun 2014

Milikan	Bilangan Syarikat	Jumlah permohonan yang diluluskan	Geran yang diluluskan (RM)
Bukan Bumiputera	1,617 (82.08%)	3,053 (85.07%)	27,847,704.75 (86.36%)
Bumiputera	330 (16.75%)	495 (13.79%)	4,146,699.35 (12.86%)
Persatuan	23 (1.17%)	41 (1.14%)	253,046.10 (0.78%)
Jumlah	1,970 (100%)	3,589 (100%)	32,247,450.20 (100%)

Tahun 2015 (Januari – April)

Milikan	Bilangan Syarikat	Jumlah permohonan yang diluluskan	Geran yang diluluskan (RM)
Bukan Bumiputera	591 (83.36%)	848 (84.72%)	7,678,919.40 (87.16%)
Bumiputera	102 (14.39%)	129 (12.89%)	993,856.00 (11.28%)
Persatuan	16 (2.26%)	24 (2.4%)	137,269.35 (1.56%)
Jumlah	709 (100%)	1,001 (100%)	8,810,044.75 (100%)

Semua permohonan yang lengkap bersama – sama dengan senarai dokumen yang diperlukan untuk geran ini hendaklah dikemukakan secara dalam talian selepas menyertai aktiviti yang layak dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Setiap syarikat yang layak boleh memohon maksimum geran sebanyak RM 200,000 sejak dari tahun 2002 hingga tahun 2015. Jumlah geran yang diluluskan adalah berdasarkan perbelanjaan yang layak dengan jumlah geran yang ditetapkan bagi setiap aktiviti.

Garis panduan MDG 2015 beserta pautan untuk memohon MDG boleh didapati di laman web MATRADE, www.matrade.gov.my